

Pendidikan Kesedaran Halal Melalui Kurikulum Pembelajaran Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah-Sekolah Di Malaysia

Noraizan, M. (Corresponding author)

Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Malaysia

Tel: +6013-3462155 E-mail: noraizanmohsin@gmail.com

Syuhaida Idha, A. R.

Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Malaysia

Tel: +6019-6196227 E-mail: idha63@salam.uitm.edu.my

Abstract

The concept of halal awareness has been extended to all departments and agencies and organizations in Malaysia to Muslim consumers. However, education on the concept of halal and awareness of the right to use of Muslims on halal products has not been expanded among students in schools. Students only gain basic knowledge and knowledge of halal concepts through Islamic Education learning in schools. The purpose of this study is to look at the extent to which halal awareness education programs are being disseminated by agencies involved with students in schools. In addition, this study also examines the extent to which this halal conceptual education and awareness is practiced in schools through Islamic Education subjects. This study is a library study by analyzing documents such as the Curriculum Standard Document (DSK) of Islamic Education subjects, articles and scientific studies. This study found that information related to the concept of education and halal awareness was not widely disseminated to students in schools. Whereas the implementation and understanding of halal education is taught in schools through the study of Islamic Education subjects but not in a specific and broad subject.

Keywords: Halal Education; Halal Awareness; Islamic Education Subjects

Abstrak

Konsep kesedaran halal diperluaskan ke seluruh jabatan dan agensi serta organisasi di Malaysia kepada pengguna Muslim. Walau bagaimanapun pendidikan berkenaan konsep halal dan kesedaran hak kepenggunaan Muslim terhadap produk halal kurang diperluaskan dalam kalangan murid-murid di sekolah. Murid hanya mendapat maklumat dan pengetahuan asas berkenaan konsep halal melalui pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Justeru kajian ini dijalankan bagi melihat sejauh mana program-program pendidikan kesedaran halal disebarluaskan oleh agensi-agensi terlibat terhadap murid-murid di sekolah. Selain itu kajian ini juga meninjau sejauh mana pendidikan konsep dan kesedaran halal ini dilaksanakan di sekolah melalui pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Kajian ini merupakan kajian perpustakaan dengan menganalisis dokumen seperti Dokumen Standard Kurikulum (DSK) mata pelajaran Pendidikan Islam, artikel-artikel dan kajian ilmiah. Kajian ini mendapati bahawa maklumat berkaitan konsep pendidikan dan kesedaran halal sangat kurang disebarluaskan kepada murid-murid di sekolah. Manakala pelaksanaan dan kefahaman berkaitan pendidikan halal diajar di sekolah melalui pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam tetapi bukan dalam tajuk khusus dan tidak meluas. Ia diajar dalam bidang Hadith, Jawi dan Adab dengan skop tajuk yang kecil dan terhad. Justeru pengkaji mencadangkan satu penambahbaikan dalam

kurikulum pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah dengan menambahkan tajuk khusus berkaitan konsep halal dan kesedaran kepenggunaan produk halal dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Selain itu, banyak kajian yang boleh dijalankan seperti pendidikan halal dalam kalangan murid sekolah, dan pengamalan murid terhadap budaya pemilihan produk halal.

Kata kunci: Pendidikan Halal; Kesedaran Halal; Mata Pelajaran Pendidikan Islam

Pendahuluan

Kajian ini bertujuan mengetahui sejauhmana pendidikan kesedaran halal disebarluaskan terhadap murid di Malaysia melalui pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Dalam kehidupan seharian, makanan merupakan keperluan asasi dalam kehidupan seharian bagi memastikan kesihatan individu terjamin selain membekalkan tenaga untuk melaksanakan pelbagai aktiviti. Sebagaimana pengguna dewasa perlu mempunyai pemahaman terhadap status produk makanan halal dengan mengetahui setiap kandungan bahan dalam makanan yang dimakan, logo halal serta pengendalian halal sama juga keadaannya dengan murid-murid di sekolah. Mereka perlu didedahkan dengan konsep *halalan tayyiban* ini dari alam persekolahan lagi.

Justeru, pendidikan agama menjadi medium utama yang paling baik dalam menyebarkan pemahaman konsep ini. Melalui pendidikan agama di sekolah, murid diberi pendedahan tentang keperluan fiqh dan ibadah, akidah dan pemikiran, akhlak dan jati diri juga al-Quran dan hadith. Oleh yang demikian mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan wasilah dalam menyampaikan ajaran Islam meliputi akidah, ibadah, muamalat, akhlak, dan jenayah. Penerapan sesuatu konsep dalam fiqh terutamanya konsep halal dan haram semasa dalam pengajaran guru perlu dijelaskan secara terperinci berdasarkan maqasid dan prinsip-prinsip syariah. Selain guru, peranan dan sokongan pelbagai pihak juga memberi kesan

positif dalam membantu proses pelaksanaan sesuatu konsep dalam pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Lantaran itu, kedudukan sesuatu konsep seperti konsep kesedaran halal dalam pendidikan agama pada murid di sekolah mempunyai pengaruh dan peranan yang signifikan.

Konsep Halalan Toyyiba

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, *“Setiap daging yang tumbuh daripada makanan yang haram, maka api nerakalah yang layak baginya”*. (riwayat At-Tirmizi). Oleh itu, makanan daripada produk yang halal sangat dititik beratkan dalam kehidupan harian Muslim. Menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), konsep halal didefinisikan sebagai sesuatu yang diperbolehkan oleh hukum syariat (JAKIM, 2012). Manakala status produk makanan halal merujuk kepada *“Semua makanan yang dinyatakan dalam jadual mengikut Perihal Dagangan tidak dibenarkan dibekalkan melainkan ianya ditanda label, tag atau lain-lain bentuk tanda yang menunjukkan bahawa makanan itu “Halal”* (Perintah Perihal Dagangan Penandaan Makanan, 1975).

Pendidikan kepenggunaan halal di Malaysia sangat positif selaras dengan perkembangan Malaysia sebagai hab halal antarabangsa. Perkara ini didorong oleh tahap kesedaran yang tinggi dalam kalangan pengguna Muslim. Selain itu banyak organisasi mempromosikan kefahaman berkaitan kepenggunaan halal seperti jabatan agama, organisasi pengguna serta badan-badan bukan berkanun (NGO). Program-program promosi ini melibatkan pemahaman terhadap konsep halalan tayyiba, logo halal, integriti halal, pengendalian industri halal, produk-produk halal oleh industri dan latihan perindustrian halal. Beberapa institusi pengajian tinggi di Malaysia juga menawarkan program pengajian halal diperingkat sijil dan diploma bagi tujuan pendidikan secara teknikal berkaitan konsep halal (Borham, 2011; Mohammad Aizat Jamaludin, Mohd Anuar Ramli, Mariam Abdul Latif, Dzulkifly Mat, & Suhaimi Ab Rahman,

2012).

Saban tahun terdapat pelbagai isu halal timbul apabila masyarakat tidak mempunyai kefahaman yang jelas terhadap konsep halalan tayyiba yang sebenar (Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid., 2011). Terdapat beberapa kajian lepas menunjukkan bahawa kurangnya kefahaman dalam kalangan pelbagai pihak seperti pengguna dan pengusaha industri halal terhadap konsep halalan tayyiba telah menyebabkan industri halal negara terjejas. Masalah juga timbul kepada pengguna apabila tidak boleh membezakan produk halal dan tidak halal (Mohammad Aizat Jamaludin & Mohd Anuar Ramli, 2012).

Begitu juga isu pengguna yang mudah tertipu dengan penyalahgunaan logo dan label pada sesuatu produk. Selain itu, terdapat juga pengguna yang tidak mengambil berat terhadap pemilihan premis dan produk halal. Sikap tidak peduli dan kurang berhati-hati menyebabkan pengguna hanya membuat pilihan berdasarkan persepsi sesuatu masyarakat. Misalnya jika sebuah premis tersebut menawarkan makanan yang sedap dan mendapat tempat dalam kalangan pengguna Muslim, belum tentu premis tersebut memenuhi konsep halalan tayyiba dan pensijilannya diakui.

Program Pendidikan Kesedaran Halal Di Malaysia

Kajian halal yang dijalankan oleh universiti di Malaysia menjadi platform dalam menyediakan tenaga yang berkelayakan untuk menerajui penyelidikan dan pendidikan dalam industri halal. Universiti berperanan dalam membangun platform pendidikan untuk pengetahuan halal secara komprehensif termasuklah penyelidikan dan pendidikan kesedaran halal (Mohammad Aizat Jamaludin, Mohd Anuar Ramli, Mariam Abdul Latif, & Bahli, 2010). JAKIM dan Jabatan agama negeri seperti Jabatan Agama Islam negeri Selangor (JAIS) juga memainkan peranan yang penting dalam menyampaikan maklumat pendidikan kesedaran halal dan kepenggunaan yang menurut hukum syara'.

Selain membangunkan model halal dan membuat penyelidikan, fungsi dan peranan jabatan ini sangat besar dalam mengembangkan kefahaman masyarakat terhadap kesedaran dan pembangunan industry halal di Malaysia.

Banyak pertubuhan dan badan-badan yang mempromosikan kesedaran halal dan pendidikan halal di Malaysia, namun kebanyakan program dan modul tersebut disasarkan untuk golongan dewasa berikutan mereka memiliki kuasa beli yang dominan (Mohammad Aizat Jamaludin et al., 2012).

Kurikulum Pendidikan Islam Di Malaysia

Kurikulum merupakan sebuah perancangan pendidikan yang dikendalikan oleh institusi pelajaran seperti sekolah untuk mencapai matlamat pendidikan (KPM, 1984). Kurikulum adalah maklumat dan ilmu pengetahuan yang diajar oleh guru dan dipelajari oleh murid di sekolah atau lain-lain institusi pendidikan dalam bentuk mata pelajaran yang terdapat dalam buku teks mengikut tahap pendidikannya. Ia merangkumi semua pengetahuan, kegiatan-kegiatan atau pengalaman belajar yang diatur dengan kaedah yang sistematik, yang diterima murid untuk mencapai suatu tujuan (Hasan Langgulung, 1991; Sharifah Alwiyah Alsagoff, 1987).

Oleh yang demikian, melalui penyebaran kurikulum segala pengalaman yang diperolehi oleh murid di sekolah menjadi pengaruh yang baik terhadap sikap murid. Pengaruh dan pengalaman ini dibimbing oleh guru melalui aktiviti pengajaran bagi mencapai tujuan dan matlamat pendidikan (Abdul Muhsien Sulaiman, 2014). Kesimpulannya, kurikulum secara keseluruhannya meliputi semua pengalaman, aktiviti, suasana dan pengaruh yang luas bukan hanya bertumpu kepada isi kandungan mata pelajaran semata-mata. Ia diterjemahkan melalui sukatan pelajaran dengan mengambil kira kemahiran mengikut tahap, objektif pembelajaran dan rancangan aktiviti mengajar.

Mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran teras yang wajib dipelajari oleh murid-murid di sekolah. Kandungan Kurikulum Pendidikan Islam menengah dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu;

1. *Bidang Pembelajaran Tilawah al Quran dan Hadis*
2. *Bidang Pembelajaran 'Ulum Syar'iyah*
3. *Bidang Pembelajaran Adab Berteraskan Akhlak Islamiah*

Manakala Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) bagi mata pelajaran Pendidikan Islam terdiri daripada tujuh bidang utama, iaitu al-Quran, Hadis, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab, dan Jawi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018)

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran setiap bidang dalam Pendidikan Islam Sekolah Rendah, murid akan dipastikan dapat mencapai beberapa standard penguasaan yang telah ditetapkan dalam Kurikulum Standard Pendidikan Islam Sekolah Rendah. Terdapat enam tahap standard penguasaan yang perlu difokuskan oleh guru untuk dicapai oleh murid, iaitu tahap ilmu, amali, amalan, iltizam, penghayatan dan pentabiatan. Tahap penguasaan yang paling tinggi perlu dicapai setelah berlakunya interaksi antara guru dan murid adalah tahap pentabiatan, iaitu, murid berkebolehan merumuskan pengetahuan, mengaplikasikan kemahiran dan nilai daripada kandungan yang dipelajari dalam bentuk perubahan tingkahlaku serta mempamerkan ciri-ciri kepimpinan sebagai seorang yang bertaqwa dan boleh dicontohi atau boleh membimbing orang lain.

Berdasarkan kandungan kurikulum mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah, kaedah dan strategi serta peruntukan waktu yang banyak menunjukkan objektif dan harapan yang tinggi kepada masyarakat tentang keberkesanan dan keupayaan mata pelajaran Pendidikan Islam sebagai subjek khusus dalam mendidik dan membimbing murid kearah kemenjadian 'insan

kamil' yang menyerlah dari aspek sahsiah, akhlak dan disiplin yang baik, bukan hanya sekadar di dalam sekolah malah menjangkau kehidupan seharian dan persekitaran mereka, sesuai dengan matlamat Pendidikan Islam itu sendiri; "Pendidikan Islam adalah untuk menghasilkan Muslim yang berilmu, beriman, berketrampilan, beramal soleh, beradab dan berakhlak mulia berdasarkan al Quran dan al Sunnah sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertakwa dan menyumbang kepada tamadun bangsa dan Negara." (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018)

Oleh yang demikian, jika diperhalusi, hala tuju Pendidikan Islam dari segi individu adalah bertujuan menjadikan murid Muslim yang kamil dan mencorak murid menjadi seorang hamba yang mampu bertindak sebagai khalifah dan sentiasa melaksanakan amanah dan tanggungjawab. Manakala secara kolektifnya, Pendidikan Islam berperanan membangkitkan suasana atau bi'ah yang mendorong manusia melaksanakan tugasannya sebagai khalifah Allah. Maka, Pendidikan Islam dilihat mampu membentuk tamadun manusia dan sangat berkesan dalam mempengaruhi akhlak murid, amalan seharian dan gaya hidup murid (Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff Mohammad Ruhizan Yassin, 2010; Abdul Muhsien Sulaiman, 2014; Jamilah, 2014; Roziah Hamid, 2000; Salleh, 1997). Justeru amalan pemilihan makanan dan produk halal dalam kalangan murid seiring dengan halatuju pembelajaran Pendidikan Islam dalam menjadikan murid sebagai muslim kamil serta memberi kesan terhadap amalan seharian, gaya hidup dan akhlak baik.

Pernyataan Masalah

Isu kepenggunaan halal sering diperkatakan dalam masyarakat ekoran banyak pengusaha industri dan pengeluar produk tidak menepati dasar dan etika pengendalian halal. Justeru pelbagai pihak tampil menawarkan program-program pendidikan kepenggunaan halal dengan tujuan untuk memberikan kesedaran dan hak-

hak pengguna dan kesedaran tentang hak mendapatkan produk halal dan tanggungjawab pengguna Muslim memilih produk halal. Ia dibantu dengan kecanggihan teknologi yang turut memperluaskan konsep kesedaran halal tersebut (Nor 'Adha Abdul Hamid et al., 2015; M. A. Jamaludin et al., 2012)

Namun, berdasarkan surat siaran Bahagian Pendidikan Islam, KPM 600-14/1/43 JLD2 (15) bertarikh 20 November 2017 yang menyenaraikan program-program Dakwah yang harus dilaksanakan di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia tidak menyenaraikan program kesedaran halal terhadap murid. Justeru murid hanya mendapat maklumat konsep *halalan toyyiban* ini semata-mata melalui pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Hal ini menunjukkan pendidikan kesedaran dan kefahaman terhadap isu tersebut tidak dipromosikan di sekolah-sekolah. Oleh yang demikian, murid kurang didedahkan kepada konsep halal dan kesedaran kepenggunaan halal sedangkan Malaysia merupakan hub halal antarabangsa yang mempromosikan integriti halal di seluruh dunia.

Matlamat Pendidikan Islam antara lainnya bertujuan membentuk murid Islam yang mempunyai pemahaman konsep akidah dan ibadah yang menyeluruh dan khusus. Apabila murid di sekolah tidak menjadikan konsep memilih makanan halal dan baik sebagai keutamaan, aspek tersebut memberi kesan terhadap kemenjadian murid yang sihat akal fikiran serta cergas tubuh badan dan menjadi Muslim yang baik. Ini kerana pemakanan sangat mempengaruhi perkembangan fizikal dan amalan kerohanian (Azhar Ahmad & Ab. Halim Tamuri, 2007).

Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengkaji sejauhmana pendidikan kesedaran halal disebarluaskan terhadap murid-murid melalui pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam serta meninjau bentuk-bentuk pendidikan halal dan kesedaran pendidikan halal yang di terima

oleh murid.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meninjau sejauhmana pendidikan kesedaran halal disebarluaskan terhadap murid-murid melalui pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam. Selain itu kajian ini juga turut meninjau bentuk-bentuk pendidikan halal dan kesedaran pendidikan halal yang dijalankan terhadap murid-murid di Malaysia.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan kajian kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen. Kajian ini meletakkan limitasi kepada bentuk-bentuk pendidikan halal yang diterima oleh orang awam, pekerja industri halal dan murid sekolah. Sumber rujukan utama bagi kajian ini adalah artikel-artikel dan kajian ilmiah berkaitan pendidikan kesedaran halal di Malaysia, Dokumen Standard Kurikulum (DSK) atau sukatan pelajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Islam serta Standard Operasi pendidikan Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan jabatan agama.

Pencarian artikel-artikel dan kajian ilmiah melibatkan kajian dari tahun 2009 dan menggunakan kata kunci "pendidikan halal". Manakala bagi tujuan pencarian sumber rujukan bagi pendidikan halal di sekolah pengkaji menggunakan DSK mata pelajaran Pendidikan Islam dari tahun satu hingga tingkatan lima iaitu meliputi sekolah rendah dan menengah. Pengkaji juga meneliti standard operasi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), *Halal Industry Development Centre* (HDC) JAKIM dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Ianya meliputi skop hebahan dan maklumat pendidikan kesedaran halal yang dijalankan organisasi tersebut serta program-program pendidikan yang dilaksanakan.

Analisis Dan Dapatan Kajian

Hasil dapatan kajian dihuraikan dalam jadual berikut:

| Bil | Artikel/Kajian Ilmiah | Reka bentuk kajian | Isu/Perbincangan/Hasil dapatan | Ulasan/Catatan |
|-----|---|--|--|---|
| 1 | (Nurishah Lokman, 2009) | Responden kajian seramai 125 orang pelajar daripada jumlah populasi 418 yang dilakukan secara rawak mudah. Kajian berbentuk kuantitatif menggunakan soal selidik dan analisis statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratus dan min. | Persepsi pelajar terhadap konsep makanan halal menurut Islam ialah tinggi (min=4.31), tahap kefahaman tinggi (min=4.30) dan kepekaan pelajar terhadap kepentingan pengambilan makanan halal juga tinggi (min=4.41). | Kajian dijalankan terhadap pelajar IPT. |
| 2 | (Mohammad Aizat Jamaludin et al., 2012) | Kajian dilakukan terhadap aspek pendidikan halal yang dijalankan oleh beberapa agensi, iaitu Halal Industry Development Corporation (HDC), Malaysian Agriculture Research and Development Institute (MARDI), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), Halal Management | Program-program kesedaran halal (halal awareness programme) untuk para pengguna dan program halal industri (halal industry programme) bagi pengusaha industri meliputi pengenalan kepada konsep halal, tayyiban, penghasilan produk halal, pengenalan logo halal dan undang-undang berkaitan kepenggunaan halal. | Program-program pendidikan konsep halal kepada golongan awam dan pengeluar. |
| 3 | (Mohammad Aizat Jamaludin et al., 2010) | Research Academy (HAMRA), KFCH International College and KasehDia, Halal Product Research Institute (HPRI, UPM), Institute of Halal Research and Training (INHART), UIA and Institute of Halal Research and Management (IHRAM, USIM). | Peranan institusi-institusi latihan halal dan perkembangan modul pendidikan halal di Malaysia | Peranan institusi dan modul pendidikan halal disebarluaskan dalam kalangan dewasa, pelajar IPT dan pengusaha. |
| 4 | (Nasirahjamal Zainal Abidin, 2010) | Responden kajian seramai 77 yang dilakukan secara rawak mudah. Kajian berbentuk kuantitatif menggunakan soal selidik dan analisis statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratus dan min. | Pelajar mempunyai persepsi yang baik terhadap Malaysia sebagai hub makanan halal, mempunyai pengetahuan tentang hub makanan halal dan mempunyai kesedaran tinggi terhadap kepentingan hub makanan halal di Malaysia. | Kajian dijalankan terhadap pelajar IPT. |

| | | | | |
|---|---|---|--|---|
| 5 | (Abdul Basit Samat@ Darawi & Sahilah Mohd Rodzi, 2010). | Responden seramai 112 orang responden dalam kalangan pelajar tahun tiga Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, Johor telah terlibat dalam kajian ini. Set soal selidik mengandungi 30 item telah diedarkan kepada responden dan dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min menggunakan perisian Statistical Package For Social Science (SPSS) versi 15.0 | Dapatan kajian menunjukkan persepsi pelajar terhadap makanan berlogo halal adalah tinggi (min 4.41). Manakala faktor-faktor yang diberi penekanan dalam pemilihan makanan juga tinggi (min=4.10) dan kepentingan pemilihan makanan berlogo halal (min=4.69). | Kajian dijalankan terhadap pelajar IPT. |
| 6 | (Bennet & Risyawati Mohamed Ismail, 2016) | Kaedah kajian menggunakan persampelan melalui pengedaran borang soal selidik secara talian iaitu emel, 'facebook' dan 'whatsapp' dengan mengambil seramai 100 responden yang dipilih secara rawak. | Responden memahami dan menyatakan bahawa makanan halal amatlah diperlukan dan sudah mula menjadi pilihan kebanyakan masyarakat Malaysia. | Kajian dijalankan terhadap orang awam secara rawak. |
| 7 | (Nor Nisma Mohamad Noor & Ezanee Mohamed Elias, 2016) | Responden kajian seramai 600 pelajar muslim. Kajian berbentuk kuantitatif menggunakan soal selidik dan analisis statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratus dan min | Faktor persekitaran dan faktor kesedaran pelajar paling mempengaruhi keyakinan mereka terhadap logo halal produk makanan antarabangsa. Pelajar juga sedar bahawa logo halal adalah amat penting dalam memilih produk makanan yang halal. | Kajian dijalankan terhadap pelajar UUM. |

Jadual 1: Artikel dan kajian Ilmiah Berkaitan Pendidikan Kesedaran Halal

| Bil | Agensi | Fungsi dan Peranan | Catatan |
|-----|---|---|--|
| | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) | Bidang tugas tertumpu kepada pensijilan halal dan pematuhan standard halal. Merupakan badan utama yang terlibat dalam pensijilan dan penguatkuasaan Halal di Malaysia. Peranan JAKIM disokong oleh beberapa agensi lain seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Kastam Diraja Malaysia (KDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). | Berperanan terhadap orang awam dan pengeluar. Tidak terlibat bersama Kementerian Pendidikan Malaysia. |
| | Halal Industry Development Centre (HDC) JAKIM | HDC tertumpu kepada pembangunan industri halal tempatan dan global dan pemasaran produk halal. | |
| | | Latihan kesedaran dan kefahaman halal kepada pengusaha dan pengguna. | Ada dijalankan di sekolah-sekolah terpilih dan tidak menyeluruh. |

| | | | |
|--|---|--|--|
| | | Kempen-kempen kesedaran kepada syarikat SME, pelajar IPTA/IPTS termasuk kanak-kanak. HDC telah menerbitkan dua buah buku bergambar kanak-kanak mengenai kesedaran mengenai produk halal (2015). | |
| | Bahagian Halal Jabatan Agama Islam negeri Selangor (JAIS) | <p>Fungsi Utama Bahagian Halal JAIS</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Mengurus Hal ehwal Pengurusan Halal dalam Negeri Selangor. ii. Mengurus proses pengeluaran dan pematuhan kelulusan Pensijilan dan Pengesahan Halal iii. Mengurus Program Latihan dan Pembangunan untuk kakitangan dan pelanggan bahagian Pengurusan Halal iv. Mengurus proses pengeluaran dan pemantauan pemegang kad tauliah sembelihan v. Mengurus pengauditan dan pemantauan Pensijilan Halal vi. Melaksanakan kursus penyembelihan <p>Sumber (“Bahagian Pengurusan Halal, JAIS,” n.d.)</p> | Peranan adalah bersifat penguatkuasaan. Program latihan dan pembangunan hanya dijalankan untuk kaki tangan dan pelanggan yang bersifat pengusaha atau pengeluar. |

Jadual 2: Peranan dan Fungsi Agensi/Pertubuhan Berkaitan Pendidikan Kesedaran Halal

Hasil analisis terhadap artikel-artikel kajian lepas dan penulisan ilmiah mendapati banyak kajian yang dijalankan bertumpu kepada pembangunan penyelidikan, sumber manusia dan kajian yang meninjau persepsi orang awam, pelajar universiti dan pengeluar produk berkaitan kesedaran halal. Namun sangat kurang kajian terhadap pemahaman dan kesedaran pendidikan halal dalam kalangan murid sekolah.

Dapatan juga menunjukkan institusi-institusi yang terlibat dengan penyebaran maklumat halal cenderung mensasarkan golongan dewasa sebagai golongan sasaran dalam menerima maklumat berkaitan produk halal dan kesedaran memilih barangan halal dan bersih. Hal ini berikutan kuasa beli yang tinggi dalam kalangan dewasa berbanding kanak-kanak. Program pembangunan halal juga melibatkan golongan dewasa bagi mengisi keperluan tenaga kerja dan latihan pekerjaan.

| BIL | BIDANG | TAJUK/ISI KANDUNGAN | OBJEKTIF PEMBELAJARAN | CADANGAN AKTIVITI | ELEMEN PENGAMALAN |
|-----|-----------------|----------------------------------|--|--|-----------------------------------|
| 1 | Hadith (Ting 4) | Pelajaran 8 : Makanan Yang Baik | Membaca dan memahami maksud hadis. Menjelaskan kewajipan memilih makanan halal. Mengenal pasti makanan, minuman dan pakaian yang menepati hukum syara'. Menerangkan hubungan antara pemilihan perkara halal terhadap ibadah. Menjelaskan hikmah menjauhi yang haram. | Membaca. Sumbang saran akibat mengambil makanan haram. Mengumpul hadis berkaitan. Pertandingan mereka cipta laman web berkaitan halal. Lawatan ke kilang pemprosesan produk halal. Kajian kes usahawan berjaya. | KBAT Elemen merentas Kurikulum |
| 2 | Hadith (Ting 2) | Pelajaran 10: Mencari Yang Halal | Membaca hadith dengan betul. Membaca ptongan hadis dengan maksud. Memahami maksud haram, halal dan syubhah Menjelaskan hikmah menjauhi haram dan syubhah. Menjelaskan peranan hati dalam kehidupan. Menghuraikan pengajaran hadith. | Membaca. Sumbang saran akibat mengambil makanan haram. Mengumpul hadith berkaitan. | |
| 3 | Jawi (Tahun 5) | Pelajaran 5: Amalan Hidup Sihat | Murid dapat menguasai kemahiran membaca dan kemahiran menulis jawi. | Membaca dan menulis perkataan jawi. Menulis karangan pendek berkaitan kesihatan diri. Membuat pyramid makanan. | |
| 4 | Adab (Tahun 2) | Unit 1: Berkati Rezekiku | | Soal jawab berdasarkan gambar. Membaca dan mengamalkan doa makan. | |

Jadual 3: Tajuk-Tajuk Pendidikan Halal dan Berkaitan Dalam Pembelajaran Pendidikan Islam

Sumber: (Fauziah Mohd Ramli & Aminah Idris, 2003; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018; Norsuhana Abdullah, Mohd Nazlaman Mohd Rawaluddin, & Aminah Idris, 2014; Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Johar Seman, & Salina Basrawi, 2017)

Dapatan kajian melalui analisis terhadap dokumen kurikulum Pendidikan Islam mendapati bahawa pelaksanaan pendidikan dan kesedaran halal di sekolah melalui pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam hanya dijalankan kepada murid tahun 3 dan 5 dalam bidang Jawi dan Adab. Walaubagaimanapun ia bukan merupakan objektif utama pembelajaran kerana yang menjadi objektif utama pembelajaran bagi tajuk tersebut adalah kemahiran menulis dan pengukuhan amalan dan akhlak baik. Manakala skop tajuk “Berkati rezeikiku” dan “Makanan sihat” adalah terhad dan tidak menyeluruh kepada pendidikan halal, iaitu tidak menjelaskan konsep halal dan ciri-ciri makanan atau produk halal akan tetapi hanya memberi tumpuan kepada bacaan doa makan serta penjagaan kesihatan melalui pemakanan yang sihat. Aspek yang dinilai dalam pembelajaran tajuk tersebut adalah kemahiran murid menulis doa dan menulis karangan berkaitan pemakanan sihat bukan penghayatan konsep halal.

Dalam pembelajaran peringkat menengah konsep kesedaran halal diajar dalam bidang hadith untuk murid tingkatan dua dan empat. Walau bagaimanapun, penyebaran maklumat berkaitan konsep kesedaran halal yang dianggap oleh pengkaji kurang menyeluruh. Pembelajaran bidang hadith “Mencari yang halal” dalam skop tajuk Pendidikan Islam tingkatan dua dan tajuk “Makanan Yang Baik” dalam tajuk pembelajaran hadith tingkatan empat secara keseluruhannya menyentuh konsep halal dan kesedarannya. Melalui pembelajaran tajuk tersebut murid dapat memahami isi kandungan hadith, mengenal pasti produk halal, menyenaraikan hikmah serta mengaitkan konsep halal dengan ibadah. Namun ia hanya dapat merangkumi segala keperluan pendidikan konsep halal dan penghayatan amalan halal apabila guru mampu menjelaskannya dalam bentuk aktiviti-aktiviti pembelajaran seperti yang dicadangkan dalam huraian sukatan dan buku teks. Sekiranya tidak, murid hanya memberi tumpuan kepada hafazan hadith serta penerangan guru di dalam kelas berikutan penilaian terhadap tajuk tersebut adalah hadis dan keterangannya.

Kesimpulan

Pekembangan pendidikan halal di Malaysia semakin berkembang dan konsisten dengan penubuhan beberapa institusi latihan yang berperanan sebagai institusi yang menyalurkan kefahaman dan kesedaran halal. Ianya telah membantu melengkapkan pertumbuhan ekonomi negara secara tidak langsung melalui pembangunan sumber manusia. Malah turut merealisasikan Malaysia sebagai salah sebuah hub halal dunia dan bersifat antarabangsa. Peranan ini juga disokong oleh program-program dan modul latihan halal yang komprehensif kepada pelbagai pihak khususnya pengguna dewasa.

Walaubagaimanapun sebaran dan kefahaman tersebut masih tidak dijalankan secara meluas terhadap murid sekolah. Murid-murid di sekolah hanya bergantung kepada sukatan mata pelajaran yang terhad bagi kefahaman dan kesedaran *halalan toyyiban*. Pemahaman tersebut diajar dalam pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Islam dalam bentuk yang kecil serta tidak menyeluruh di dalam tajuk-tajuk umum dan bukannya khusus. Suasana ini tidak menggambarkan perkembangan kesedaran halal dan kefahaman konsep *halalan toyyiban* yang menyeluruh kepada semua golongan terutamanya murid-murid yang merupakan penyambung kepada perkembangan industri halal di masa akan datang.

Cadangan Dan Rumusan

Bagi mempertingkatkan lagi kefahaman dan kesedaran pendidikan halal dalam kalangan murid sekolah pengkaji mencadangkan beberapa cadangan. Pertama adalah dengan memperkasakan skop kurikulum Pendidikan Islam dengan menambah elemen pendidikan halal secara menyeluruh dalam huraian sukatan melalui bidang Tafsir, Ibadah dan pengetahuan am. Perlu juga diwujudkan tajuk khusus konsep halal dan bidang-bidang yang berkaitan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran tajuk-tajuk

tersebut diharap dapat menyebarkan konsep kesedaran halal yang lebih berkesan kepada murid untuk tempoh masa yang panjang.

Selain itu penyebaran maklumat dan kempen kesedaran halal melalui pendidikan halal khusus untuk murid-murid sekolah harus dilakukan supaya seiring dengan pendidikan yang diterima oleh golongan awam. Beberapa program jalinan kerjasama boleh dilakukan melalui aktiviti-aktiviti jabatan-jabatan berkaitan seperti JAKIM, Kementerian Kesihatan, Pusat Penyelidikan universiti dan Jabatan Agama Islam dengan pihak sekolah.

Rujukan

Ab. Halim Tamuri, & Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff Mohammad Ruhizan Yassin. (2010). *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam*. UKM Bangi.

Abdul Basit Samat@Darawi, & Sahilah Mohd Rodzi. (2010). Persepsi Pelajar Fakulti Pendidikan Terhadap Makanan Berlogo Halal. *Tidak diterbitkan*, 1–8. Diambil daripada <http://eprints.utm.my/id/eprint/10689/>

Abdul Muhsien Sulaiman. (2014). *Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Pembentukan Akhlak Murid dari Aspek Hubungan Guru-Murid Berasaskan Abu Talib Al-Makki (w.386H/996M)*. Universiti Malaya.

Ahmad Mohd Salleh. (1997). *Pendidikan Islam: Falsafah, pedagogi dan metodologi*. Fajar Bakti Sdn Bhd. Shah Alam.

Ahmad H Fazullah Borham. (2011). Halal Studies In Universities : A Way Forward To Manage Halal Introduction to Fundamental Halal Halal Industry and Awareness. International Journal of Arts and Sciences Conference.

Azhar Ahmad, & Ab. Halim Tamuri. (2007). Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Yadim*, (5), 1–10.

Bahagian Pengurusan Halal, JAIS. (tanpa tarikh). Diambil daripada <http://www.jais.gov.my/v2/page.php?s=pengurusan-halal>

Bennet, G., & Risyawati Mohamed Ismail. (2016). Kajian Terhadap Keperluan Dan Pemahaman Berkaitan Produk Makanan Halal Di Malaysia. dalam *Symposium on Technology Management & Logistics (STML-Go Green) 2016*. (ms. 734–742). Diambil daripada <http://stmlportal.net/stmlgogreen2016/pdf/p734.pdf>

Fauziah Mohd Ramli, & Aminah Idris. (2003). *Pendidikan Islam Tingkatan 4 KBSM*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hasan Langgulung. (1991). *Pendidikan Islam Menghadapi Abad ke-21*. Hizbi. Shah Alam.

Jamilah Mohd Noor. (2014). *Keberkesanan pendidikan akhlak di Sekolah Menengah Kebangsaan di Seremban Negeri Sembilan*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Islam Tingkatan 2. Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM (Vol. 01)*. Bahagian Pembangunan Kurikulum, BPK.

Mahmood Zuhdi Hj Ab Majid. (2011). Fiqh Kepenggunaan Semasa: Realiti dan Cabaran di Malaysia, dlm. Kertas kerja Seminar Hukum Islam VII, anjuran Jabatan Fiqh dan Usul, APIUM, di Balai Ilmu, APIUM pada 14-15 Disember 2011.

Mohammad Aizat Jamaludin, & Mohd Anuar Ramli. (2012). Isu Sensitif Berkaitan Dengan Kepenggunaan Dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia. In *Isu-Isu Sensitif Dalam Hubungan Etnik di Malaysia*. UPM Press, Serdang.

Mohammad Aizat Jamaludin, Mohd Anuar Ramli, Mariam Abdul Latif, & Bahli, S. (2010). Peranan Institusi Latihan Halal dalam Pembangunan Pendidikan. *World Halal Conference*, 1–14.

- Mohammad Aizat Jamaludin, Mohd Anuar Ramli, Mariam Abdul Latif, Dzulkifly Mat, & Suhaimi Ab Rahman. (2012). Pendidikan Kepenggunaan Halal Di Malaysia. Dalam *Konferensi Antarabangsa Islam Borneo V*. Diambil daripada <https://www.researchgate.net/publication/255992124%0A>
- Nasirahjamal Zainal Abidin. (2010). Persepsi Pelajar Terhadap Malaysia Sebagai Hub Makanan Halal: Kajian Terhadap Pelajar Islam 4 SPH Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai. *Journal of Experimental Psychology: General*, 136(1), 25.
- Nor 'Adha Abdul Hamid, W. S., Othman, N., Miskam, S., Ager, S. N. S., Abdullah, M., & Farah Mohd Shahwahid, N. A. W. (2015). Industri makanan halal serantau: kajian di malaysia dan indonesia. In *World Academic and Research Congress 2015*. Diambil daripada https://www.academia.edu/19747751/Industri_makanan_halal_serantau_kajian_di_Malaysia_dan_Indonesia
- Nor Nisma Mohamad Noor, & Ezanee Mohamed Elias. (2016). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keyakinan Pelajar Muslim Terhadap Logo Halal Produk Makanan Antarabangsa. In *Symposium on Technology Management & Logistics (STML-Go Green) 2016*. (pp. 762-772). Diambil daripada <http://stmlportal.net/stmlgogreen2016/pdf/p762.pdf>
- Norsuhana Abdullah, Mohd Nazlaman Mohd Rawaluddin, & Aminah Idris. (2014). *Pendidikan Islam Tahun 5 KSSR*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nurishah Lokman. (2009). *Persepsi Pelajar Terhadap Konsep Makanan Halal*. Universiti Teknologi Mara (UiTM).
- Roziyah Hamid. (2000). *Satu Kajian Tentang Amalan dan Penghayatan Islam dalam Pendidikan Islam KBSM dalam kalangan pelajar Tingkatan 4, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato 'Dol Said, Alor Gajah, Melaka*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharifah Alwiyah Alsagoff. (1987). *Ilmu Pendidikan Pedagogi*. : Kuala Lumpur: Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Wan Ali Akbar Wan Abdullah, Johar Seman, & Salina Basrawi. (2017). *Pendidikan Islam Tingkatan 2 KSSM*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.